

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015 (Selasa)

SOALAN :

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bersedia kah Perdana Menteri mengiktiraf Perkhidmatan Ahli Parlimen Bangsa Malaysia yang telah berkhidmat lebih daripada dua tahun supaya disokong untuk dikurniakan Darjah Kebesaran sekurang-kurangnya bergelar Datuk Kelas Ketiga oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

Darjah Kebesaran Persekutuan mempunyai dua kurniaan yang membawa gelaran 'Datuk' iaitu Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) daripada keluarga Darjah Yang Mulia Jasa Negara dan Darjah Kebesaran Panglima Setia di-Raja (P.S.D.) daripada keluarga Darjah Yang Amat Dihormati Setia di-Raja. Berdasarkan kepada statut kedua-dua Darjah Kebesaran tersebut Darjah Kebesaran P.J.N. dikurniakan kepada individu yang telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada negara, manakala Darjah Kebesaran P.S.D. dikurniakan kepada individu yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan penuh taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Syarat kelayakan pengurniaan Darjah Kebesaran P.J.N. di bawah kategori politik merangkumi Bekas Timbalan Menteri, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara/Rakyat, Ahli Parlimen serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai calon yang difikirkan layak dan sesuai, pencalonan bolehlah dikemukakan kepada Urus setia Jawatankuasa Khas Pemilihan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Kategori Politik dan perakuan ini tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Tetap Pemilihan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan seterusnya perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian. Terima kasih.